

08 AUG 2002

Mahathir-Keganasan

PENDIRIAN MALAYSIA DAN INDONESIA SAMA DALAM ISU KEGANASAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

DENPASAR, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendirian Malaysia dan Indonesia berhubung isu menangani keganasan tidak berbeza.

"Kita mempunyai persefahaman yang sama, cara mana untuk membendung isu keganasan," katanya pada persidangan media bersama Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata adalah lebih baik bagi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia dan Indonesia membincangkan secara bebas soal itu agar mereka sependapat dan bercakap dengan nada yang sama.

"Di mana-mana negara pun berlaku aktiviti (keganasan) yang boleh merosakkan sesebuah negara itu walaupun di negara maju," katanya ketika menjawab soalan mengenai isu keganasan.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, ia tidak boleh dilihat secara umum bahawa Indonesia atau Malaysia mempunyai masalah berhubung keganasan.

"Tidak ada masalah yang kita tidak boleh atasi. Saya fikir kita (Malaysia dan Indonesia) boleh mengatasinya," tegas beliau.

Megawati pula berkata persidangan Pergerakan Berkecuali (NAM) dan OIC, yang akan dianjurkan Malaysia tahun depan merupakan pertemuan dan persidangan yang penting.

Megawati berkata ia penting bagi negara-negara membangun terutama dalam menghadapi isu globalisasi dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO).

-- BERNAMA

MKO MAD RON